

**Pharmaniaga Atenolol  
Tablet 50 mg  
(Atenolol 50 mg)**

**Pharmaniaga Atenolol  
tablet 100 mg  
(Atenolol 100 mg)**

- Membantu mencegah sakit dada (angina).
- Melindungi jantung dalam rawatan awal selepas serangan penyakit jantung (penginfarkan miokardium).

mungkin boleh dirawat dengan perentak jantung).

- denyutan jantung yang amat perlahan atau amat tidak tetap, tekanan darah amat rendah atau peredaran darah yang amat tidak lancar.

• Anda mempunyai tumor yang dipanggil feokromositoma yang tidak dirawat. Tumor ini biasanya tumbuh berdekatan buah pinggang anda dan boleh menyebabkan tekanan darah tinggi. Sekiranya anda dirawat kerana feokromositoma, doktor anda akan memberikan anda ubat lain, yang dipanggil penyekat alfa, untuk diambil dengan Pharmaniaga Atenolol tablet.

• Anda dimaklumkan yang paras asid dalam darah anda lebih tinggi daripada paras biasa (asidosis metabolik).

Jangan ambil Pharmaniaga Atenolol Tablet sekiranya anda mengalami sebarang keadaan yang disebutkan di atas. Sekiranya anda tidak pasti, rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet.

**Sebelum mula mengambil**

- Kandungan risalah ini**
1. Apakah Kegunaan Pharmaniaga Atenolol Tablet
  2. Bagaimana Pharmaniaga Atenolol Tablet berfungsi
  3. Sebelum pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet
  4. Cara pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet
  5. Semasa pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet
  6. Kesan sampingan
  7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Atenolol Tablet
  8. Maklumat Lanjut
  9. Pengilang
  10. Pemegang Pendaftaran
  11. Tarikh kemaskini RiMUP

**Apakah kegunaan**

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

Pharmaniaga Atenolol digunakan untuk:

- Merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).
- Merawat denyutan jantung yang tidak tetap (aritmia).
- kegagalan jantung yang di luar kawalan (keadaan ini biasanya menyebabkan anda rasa sesak nafas dan buku lali anda bengkak)
- sekatan jantung darjah kedua atau ketiga (keadaan yang

**Bagaimana Pharmaniaga**

**Atenolol Tablet berfungsi**

Ia berfungsi dengan cara membolehkan jantung berdenyut lebih perlahan dan dengan daya yang kurang.

**Sebelum pengambilan**

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**Bila tidak boleh mengambil**

Jangan ambil Pharmaniaga Atenolol Tablet jika:

- Anda alah (hipersensitif) kepada atenolol atau sebarang ramuan yang terkandung di dalam Pharmaniaga Atenolol Tablet.
- Anda pernah mengalami sebarang masalah jantung yang berikut:

- kegagalan jantung yang di luar kawalan (keadaan ini biasanya menyebabkan anda rasa sesak nafas dan buku lali anda bengkak)
- sekatan jantung darjah kedua atau ketiga (keadaan yang

Rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet sekiranya:

- Anda menghidap penyakit lelah, nafas berdehit atau sebarang masalah pernafasan yang lain, atau anda mengalami tindak balas alahan, contohnya terhadap sengatan serangga. Sekiranya anda pernah mengalami penyakit lelah atau nafas berdehit, jangan ambil ubat ini tanpa merujuk kepada doktor anda terlebih dahulu.
- Anda mengalami sejenis sakit dada (angina) yang dipanggil angina Prinzmetal.
- Peredaran darah anda kurang lancar atau anda mengalami kegagalan jantung terkawal.
- Anda mengalami sekatan jantung darjah pertama.
- Anda menghidap kencing manis. Ubat anda boleh mengubah cara anda bertindak balas terhadap gula darah yang rendah. Anda mungkin berasa denyutan jantung anda lebih pantas.
- Anda mengalami tirotoksikosis (keadaan yang berpunca daripada kelenjar tiroid yang terlebih aktif). Ubat

anda mungkin menyembunyikan gejala-gejala tirotoksikosis.

- Anda mengalami masalah buah pinggang. Anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan semasa mendapat rawatan.

Sekiranya anda tidak pasti yang anda mengalami sebarang keadaan yang disebutkan di atas, rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet.

#### Pengambilan ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor anda atau ahli farmasi sekiranya anda mengambil, atau baru-baru ini telah mengambil, sebarang ubat lain. Ini merangkumi ubat yang anda beli tanpa preskripsi dan ubat herba.

Ini adalah kerana Pharmaniaga Atenolol Tablet boleh menjelaskan cara sesetengah ubat lain berfungsi dan sesetengah ubat pula boleh menjelaskan fungsi Pharmaniaga Atenolol Tablet.

Anda perlu memaklumkan doktor anda terutamanya jika anda mengambil sebarang ubat berikut:

- Clonidine (untuk merawat tekanan darah tinggi atau migrain). Sekiranya anda

mengambil clonidine dan Pharmaniaga Atenolol Tablet serentak, jangan hentikan pengambilan Clonidine melainkan doktor anda mengarahkan anda berbuat demikian. Sekiranya anda perlu menghentikan pengambilan Clonidine, doktor anda akan memberikan anda arahan teliti mengenai cara menghentikannya.

- Verapamil, Diltiazem dan Nifedipine (untuk merawat tekanan darah tinggi atau sakit dada).
- Disopyramide, Quinidine atau Amiodarone (untuk merawat denyutan jantung yang tidak tetap).
- Digoxin (untuk merawat masalah jantung).
- Adrenaline, juga diketahui sebagai Epinephrine (ubat yang merangsangkan jantung).
- Ibuprofen atau Indometacin (untuk merawat sakit dan keradangan).
- Insulin atau ubat yang anda makan untuk merawat kencing manis.
- Ubat untuk merawat hidung atau sesak sinus atau ubat untuk merawat demam selesema yang lain (termasuk ubat yang anda boleh beli di farmasi).

Anda hendaklah sentiasa memberitahu doktor anda jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

### **Cara pengambilan**

#### **Pharmaniaga Atenolol Tablet**

##### **Berapa banyak perlu diambil**

Pharmaniaga Atenolol Tablet perlu diambil sebagaimana yang ditetapkan oleh doktor. Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti mengenainya.

- Doktor anda akan memberitahu anda bilangan tablet yang perlu diambil setiap hari dan waktu pengambilannya. Rujuk kepada label pada kotak untuk mengingatkan anda tentang arahan doktor.
- Telan seluruh Pharmaniaga Atenolol Tablet sambil meminum air.

#### **Dewasa**

- Tekanan darah tinggi (hipertensi): Pada permulaannya dos ialah 25 mg hingga 50 mg sehari. Dos boleh ditingkatkan kepada 50 mg hingga 100 mg sehari sekali selepas 2 minggu jika perlu dan serasi.

- Sakit dada (angina): Pada permulaan dos ialah 50 mg sehari sekali. Selepas lebih seminggu dos boleh ditingkatkan kepada 100 mg sehari atau 50 mg 2 kali sehari.

- Rawatan awal serangan penyakit jantung (penginfarktan miokardium): dos biasa ialah 50 mg hingga 100 mg sehari.

#### **Warga emas**

Sekiranya anda warga emas, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberikan dos yang lebih rendah kepada anda, terutamanya jika anda mengalami masalah buah pinggang.

#### **Individu yang mengalami masalah buah pinggang yang teruk**

Sekiranya anda mengalami masalah buah pinggang yang teruk, doktor anda mungkin memutuskan untuk memberikan anda dos yang lebih rendah.

#### **Waktu pengambilan**

Doktor anda akan memaklumkan waktu pengambilan. Baca label pada karton untuk mengikut arahan doktor anda dengan tepat. Cuba ambil pil anda pada waktu yang sama setiap hari.

#### **Tempoh pengambilan**

Preskripsi boleh dikatakan sepanjang hayat. Doktor anda akan memantau keadaan anda secara tetap dan akan memberitahu anda sekiranya perubahan perlu dilakukan. Jangan hentikan pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet tanpa merujuk kepada doktor anda dahulu. Dalam sesetengah keadaan, anda mungkin perlu menghentikan pengambilannya secara beransur-ansur.

#### **Jika terlupa mengambil**

Sekiranya anda terlupa mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet, makan pil tersebut sesegera yang boleh. Ambil dos anda yang berikutnya pada masa yang betul. Jangan ambil dos berganda sebagai ganti dos yang anda terlupa ambil.

#### **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Sekiranya anda mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet lebih daripada yang ditetapkan oleh doktor anda, rujuk kepada doktor anda atau segera ke hospital. Bawa kotak ubat bersama anda supaya pil tersebut dapat dikenal pasti.

Pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet yang berlebihan boleh menyebabkan anda berasa

tidak sihat. Beritahu doktor anda atau hubungi jabatan kecederaan hospital yang terdekat dengan serta-merta.

### **Semasa pengambilan**

#### **Pharmaniaga Atenolol Tablet**

##### **Perkara yang perlu dilakukan**

Sekiranya anda perlu menjalani pembedahan di hospital, beritahu kepada pakar bius atau kakitangan perubatan yang anda mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet. Ini adalah kerana anda boleh mendapat tekanan darah rendah (hipotensi) sekiranya anda diberi ubat bius yang tertentu semasa mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet.

Rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil Pharmaniaga Atenolol Tablet sekiranya anda hamil, mungkin akan hamil atau menyusukan bayi.

##### **Perkara yang tidak boleh lakukan**

Anda tidak perlu menghentikan atau mengubah jadual pengambilan Pharmaniaga Atenolol Tablet tanpa mendapatkan nasihat daripada doktor anda, melainkan anda mengalami tindak balas alahan.

##### **Perkara yang perlu diawasi**

Ubat ini tidak berkemungkinan menjelaskan keupayaan anda memandu atau menggunakan sebarang peralatan atau mesin. Walau bagaimanapun, sebaik-baiknya tunggu seketika untuk memastikan sama ada terdapat kesan ubat tersebut pada anda sebelum anda melakukan kegiatan ini. Sekiranya anda berasa pening atau letih apabila mengambil ubat ini, jangan memandu atau menggunakan sebarang peralatan atau mesin.

### **Kesan-kesan sampingan**

Sebagaimana ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Atenolol Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak pada semua orang. Sekiranya anda mengalami tindakan alahan, jumpa doktor anda dengan segera. Antara tanda-tandanya ialah gumpalan yang timbul pada kulit (bilur), atau Bengkak pada muka, bibir, mulut, lidah atau tekak.

Kesan sampingan yang mungkin dialami:

#### **Biasa (menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 10 orang)**

- Anda mungkin menyedari bahawa kadar denyut nadi anda semakin perlahan semasa anda

mengambil pil ini. Ini kesan yang biasa berlaku, tetapi sekiranya anda berasa bimbang, sila maklumkan doktor anda mengenainya.

- Kaki dan tangan berasa sejuk.
- Cirit-birit
- Berasa mual (loya).
- Berasa lelah.

#### **Luar biasa (menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 100 orang)**

- Tidur terganggu.

#### **Jarang-jarang berlaku (menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 1,000 orang)**

- Sekatan jantung (yang boleh menyebabkan pening, denyut jantung yang luar biasa, keletihan atau berasa hendak pitam).

- Rasa kebas dan kekejangan otot jari yang diikuti oleh rasa hangat dan sakit (penyakit Raynaud).

- Perubahan ragam.
- Mimpi ngeri.
- Berasa keliru.
- Perubahan personaliti (psikosis) atau berhalusinasi.

- Sakit kepala.
- Pening (terutamanya apabila berdiri).
- Rasa berdenyut-deniyut pada tangan.
- Tidak mampu mencapai ereksi (mati pucuk).
- Mulut kering.
- Mata kering.
- Penglihatan terganggu.
- Rambut semakin nipis.
- Ruam kulit.
- Bilangan platelet berkurang dalam darah anda (ini menyebabkan anda mudah mendapat lebam).
- Tanda keungu-unguan pada kulit.
- Demam kuning (menyebabkan kulit atau mata putih berwarna kekuningan).

Amat jarang berlaku  
(menjejaskan kurang daripada 1 dalam setiap 10,000 orang)

Perubahan pada beberapa sel atau bahagian lain darah anda. Doktor anda mungkin mengambil sampel darah sekerap mungkin untuk memeriksa sama ada

Pharmaniaga Atenolol Tablet memberi sebarang kesan kepada darah anda.

Keadaan yang mungkin semakin teruk

- Sekiranya anda mengalami sebarang keadaan di bawah, keadaan itu mungkin bertambah teruk apabila anda mula mengambil ubat ini. Ini jarang-jarang sekali berlaku yang menjelaskan kurang daripada 1 dalam setiap 1,000 orang.
- Psoriasis (sejenis penyakit kulit).
  - Mengalami sesak nafas atau bengkak buku lali (sekiranya anda mengalami kegagalan jantung).
  - Penyakit lelah atau masalah pernafasan.
  - Peredaran darah yang tidak lancar.

Jangan bimbang tentang senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak akan mengalaminya langsung. Sekiranya terdapat sebarang kesan sampingan yang makin serius, atau sekiranya anda menyedari terdapat sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah

ini, sila beritahu kepada doktor anda atau ahli farmasi.

**Cara Penyimpanan dan**

**Pelupusan Pharmaniaga**

**Atenolol Tablet**

Penyimpanan

- Simpan ubat anda di tempat yang selamat, yang tidak dapat dilihat atau dicapai oleh kanak-kanak. Ubat ini boleh memudaratkan mereka.
- Jangan simpan pada suhu melebihi 25°C. Simpan pil anda di dalam bungkusan yang asal. Simpan blister di dalam kotak. Ini dapat melindungi ubat anda daripada cahaya dan lembapan.
- Jangan ambil pil anda selepas tarikh tamat tempoh seperti yang tercatat pada blister dan kotak. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat Lanjut**

**Rupa ubat**

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**50 mg:**

Tablet bersalut nipis, berbentuk bulat, berwarna oren dengan belahan/tanda 'RMB' pada satu sisi dan rata di sisi yang sebelah lagi.

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**100 mg:**

Tablet bersalut nipis, berbentuk bulat, berwarna oren dengan belahan pada satu sisi dan tanda Pharmaniaga ikon di sisi yang sebelah lagi.

*Bahan-bahan kandungan:*

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**50 mg** Atenolol 50 mg, Talcum, Croscarmellose sodium, Titanium dioxide, Polyethylene glycol 1000, Sunset Yellow Lake, Methocel E15, Methocel E5, Cornstarch, Povidone K29-K32, Propylene glycol, Lactose, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate.

Povidone K29-K32, Propylene glycol, Lactose, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate.

**No. MAL:**

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**50 mg:**

MAL19973341A

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**100 mg:**

MAL19920523A

**Pengilang:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),  
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh:** 15 Nov 2011

**Pharmaniaga Atenolol Tablet**

**100 mg** contains Atenolol 100 mg, Talcum, Croscarmellose sodium, Titanium dioxide, Polyethylene glycol 1000, Sunset Yellow Lake, Methocel E15, Methocel E5, Cornstarch,

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 50 mg**

(Atenolol 50 mg)

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 100 mg**

(Atenolol 100mg)

**What is in this leaflet**

1. What Pharmaniaga Atenolol Tablet is used for
2. How Pharmaniaga Atenolol Tablet works
3. Before you take Pharmaniaga Atenolol Tablet
4. How to take Pharmaniaga Atenolol Tablet
5. While you are using Pharmaniaga Atenolol Tablet
6. Side effects
7. Storage and disposal of Pharmaniaga Atenolol Tablet
8. Product description
9. Manufacturer
10. Marketing Authorisation Holder
11. Date of Revision

**What Pharmaniaga**

**Atenolol Tablet is used for**

Pharmaniaga Atenolol Tablet is used to:

- Treat high blood pressure (hypertension).
- Treat uneven heart beats (arrhythmias).
- Help prevent chest pain (angina).

- Protect the heart in the early treatment after a heart attack (myocardial infarction).

**How Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet works**

It works by making your heart beat more slowly and with less force.

**Before you take**

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet**

**When you must not take it**

Do not take Pharmaniaga Atenolol Tablet if:

- You are allergic (hypersensitive) to atenolol or any of the other ingredients in Pharmaniaga Atenolol Tablet.
- You have ever had any of the following heart problems:
  - Heart failure which is not under control (this usually makes you breathless and causes your ankles to swell)
  - Second- or third-degree heart block (a condition which may be treated by a pacemaker)
  - Very slow or very uneven heart beats, very low blood pressure or very poor circulation.
- You have a tumour called phaeochromocytoma that is

not being treated. This is usually near your kidney and can cause high blood pressure. If you are being treated for phaeochromocytoma, your doctor will give you another medicine, called an alpha-blocker, to take as well as Pharmaniaga Atenolol Tablet.

- You have been told that you have higher than normal levels of acid in your blood (metabolic acidosis).

Do not take Pharmaniaga Atenolol tablet if any of the above apply to you. If you are not sure, talk to your doctor or pharmacist before taking Pharmaniaga Atenolol Tablet.

**Before you start to take it**

Check with your doctor or pharmacist before taking Pharmaniaga Atenolol Tablet if:

- You have asthma, wheezing or any other similar breathing problems, or you get allergic reactions, for example to insect stings. If you have ever had asthma or wheezing, do not take this medicine without first checking with your doctor.

- You have a type of chest pain (angina) called prinzmetal's angina.
- You have poor blood circulation or controlled heart failure.
- You have first-degree heart block.
- You have diabetes. Your medicine may change how you respond to having low blood sugar. You may feel your heart beating faster.
- You have thyrotoxicosis (a condition caused by an overactive thyroid gland). Your medicine may hide the symptoms of thyrotoxicosis.
- You have problems with your kidneys. You may need to have some check-ups during your treatment.

If you are not sure if any of the above apply to you, talk to your doctor or pharmacist before taking Pharmaniaga Atenolol Tablet.

#### Taking other medicines

Please tell your doctor or pharmacist if you are taking, or have recently taken, any other medicines. This includes medicines that you buy without a prescription and herbal medicines.

This is because Pharmaniaga Atenolol Tablet can affect the way some other medicines work and some medicines can have an effect on Pharmaniaga Atenolol Tablet.

In particular, tell your doctor if you are taking any of the following medicines:

- Clonidine (for high blood pressure or migraine). If you are taking Clonidine and Pharmaniaga Atenolol Tablet together, do not stop taking Clonidine unless your doctor tells you to do so. If you have to stop taking Clonidine, your doctor will give you careful instructions about how to do it.
- Verapamil, Diltiazem and Nifedipine (for high blood pressure or chest pain).
- Disopyramide, Quinidine or Amiodarone (for an uneven heart beat).
- Digoxin (for heart problems).
- Adrenaline, also known as Epinephrine (a medicine that stimulates the heart).
- Ibuprofen or Indometacin (for pain and inflammation).
- Insulin or medicines that you take by mouth for diabetes.

- Medicines to treat nose or sinus congestion or other cold remedies (including those you can buy in the pharmacy).

You should always tell your doctor if you are taking or have recently taken any other medicines including those obtained without a prescription.

#### **How to take Pharmaniaga Atenolol Tablet**

##### How much to take

Always take Pharmaniaga Atenolol Tablet exactly as your doctor has told you. You should check with your doctor or pharmacist if you are not sure.

- Your doctor will tell you how many tablets to take each day and when to take them. Read the label on the carton to remind you what the doctor said.
- Swallow your Pharmaniaga Atenolol Tablet whole with a drink of water.

##### **Adults**

- High blood pressure (hypertension): Initially dose is 25 mg to 50 mg a day. The dose can be increased to 50 mg to 100 mg once a day

after two weeks if necessary and tolerated.

- Chest pain (angina): Initially 50 mg once a day. After more than one week the dose can be increased to 100 mg a day or 50 mg twice a day.

- The early treatment of a heart attack (myocardial infarction): the usual dose is 50 mg to 100 mg a day.

### **Elderly people**

If you are an elderly person, your doctor may decide to give you a lower dose, particularly if you have problems with your kidneys.

### **People with severe kidney problems**

If you have severe kidney problems your doctor may decide to give you a lower dose.

### **When to take it**

Your doctor will tell you when to take it. Read the label on the carton to follow exactly what your doctor has told you. Try to take your tablet at the same time each day.

### **How long to take it**

The prescription is almost always life-long. Your doctor would monitor your condition on regular basis

and advice if a change is required. Do not stop taking Pharmaniaga Atenolol Tablet without talking to your doctor. In some cases, you may need to stop taking it gradually.

### **If you forget to take it**

If you forget to take Pharmaniaga Atenolol tablet take it as soon as you can. Take your next dose at the right time. Do not take a double dose to make up for a forgotten dose.

### **If you take too much (overdose)**

If you take more Pharmaniaga Atenolol Tablet than prescribed by your doctor, talk to a doctor or go to a hospital straight away. Take the medicine pack with you so that the tablets can be identified.

If you take too much Pharmaniaga Atenolol Tablet you may feel unwell. Tell your doctor or contact your nearest hospital casualty department immediately.

### **While you are taking**

#### **Pharmaniaga Atenolol Tablet**

### **Things you must do**

If you go into hospital to have an operation, tell the anaesthetist or medical staff that you are taking Pharmaniaga Atenolol Tablet. This is because you can get low blood pressure (hypotension) if you are given certain anaesthetics while you are taking Pharmaniaga Atenolol Tablet.

Talk to your doctor before taking Pharmaniaga Atenolol Tablet if you are pregnant, may become pregnant or are breast-feeding.

### **Things you must not do**

Unless you develop an allergic reaction you must not stop or change the schedule of taking Pharmaniaga Atenolol without consulting your doctor.

### **Things to be careful of**

Your medicine is not likely to affect you being able to drive or use any tools or machines. However, it is best to wait to see how your medicine affects you before trying these activities. If you feel dizzy or tired when taking this medicine, do not drive or use any tools or machines.

### **Side effects**

Like all medicines, Pharmaniaga Atenolol Tablet can cause side effects, although not everybody gets them. If you have an allergic reaction, see a doctor straight away. The signs may include raised lumps on your skin (weals), or swelling of your face, lips, mouth, tongue or throat.

Other possible side effects:

Common (affects less than 1 in 10 people)

- You may notice that your pulse rate becomes slower while you are taking the tablets. This is normal but if you are concerned please tell your doctor about it.
- Cold hands and feet.
- Diarrhoea.
- Feeling sick (nausea).
- Feeling tired.

Uncommon (affects less than 1 in 100 people)

- Disturbed sleep.

Rare (affects less than 1 in 1,000 people)

- Heart block (which can cause dizziness, abnormal heart beat, tiredness or fainting).
- Numbness and spasm in your fingers which is followed by warmth and pain (Raynaud's disease).

- Mood changes.
  - Nightmares.
  - Feeling confused.
  - Changes in personality (psychoses) or hallucinations.
  - Headache.
  - Dizziness (particularly when standing up).
  - Tingling of your hands.
  - Being unable to get an erection (impotence).
  - Dry mouth.
  - Dry eyes.
  - Disturbances of vision.
  - Thinning of your hair.
  - Skin rash.
  - Reduced numbers of platelets in your blood (this may make you bruise more easily).
  - Purplish marks on your skin.
  - Jaundice (causing yellowing of your skin or the whites of your eyes).
- Very rare (affects less than 1 in 10,000 people)
- Changes to some of the cells or other parts of your blood. Your doctor may take blood samples every so often to check whether Pharmaniaga Atenolol Tablet has had any effect on your blood.
- Conditions that may get worse

If you have any of the following conditions, they may get worse when you start to take your medicine. This happens rarely affecting less than 1 in 1,000 people.

- Psoriasis (a skin condition).
- Being short of breath or having swollen ankles (if you have heart failure).
- Asthma or breathing problems.
- Poor circulation.

Do not be concerned by this list of side effects. You may not get any of them. If any of the side effects get serious, or if you notice any side effects not listed in this leaflet, please tell your doctor or pharmacist.

**Storage and Disposal of  
Pharmaniaga Atenolol  
Tablet**

**Storage**

- Keep your medicine in a safe place where children cannot see or reach it. Your medicine could harm them.
- Do not store above 25°C. Store your tablets in the original package. Keep the blister strip in the carton. This will protect your medicine from light and moisture.

- Do not use your tablets after the expiry date which is stated on the blister strip and carton. The expiry date refers to the last day of that month.

**Disposal**

Medicines should not be disposed of via wastewater or household waste. Ask your pharmacist how to dispose of medicines no longer required. These measures will help to protect the environment.

**Further Information**

**What it looks like**

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 50 mg:**

An orange, round, film-coated tablet with a breakline/RMB' on one side and plain on the other.

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 100 mg:**

An orange, round, film-coated tablet with a breakline on one side and Pharmaniaga icon on the other.

**Ingredients:**

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 50 mg** Atenolol 50 mg, Talcum, Croscarmellose sodium, Titanium dioxide, Polyethylene glycol 1000, Sunset Yellow Lake,

Methocel E15, Methocel E5, Cornstarch, Povidone K29-K32, Propylene glycol, Lactose, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate.

**Marketing Authorisation**

**Holder:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Date: 15<sup>th</sup> Nov 2011

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 100 mg** contains Atenolol 100 mg, Talcum, Croscarmellose sodium, Titanium dioxide, Polyethylene glycol 1000, Sunset Yellow Lake, Methocel E15, Methocel E5, Cornstarch, Povidone K29-K32, Propylene glycol, Lactose, Isopropyl alcohol, Magnesium stearate.

**MAL NO:**

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 50 mg:**

MAL19973341A

**Pharmaniaga Atenolol**

**Tablet 100 mg:**

MAL19920523A

**Manufacturer:**

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D), 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.



Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
 National Pharmaceutical Control Bureau  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

Ruj.Kami : (90) dlm.BPFK/17/FV/4-34  
 Tarikh : 10 JAN 2012

**Pharmaniaga Manufacturing Berhad**  
 11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi  
 43650 Bandar Baru Bangi,  
 Selangor

Tuan/Puan,

**RISALAH MAKLUMAT UBAT PENGGUNA (RIMUP)**

**1. NAMA PRODUK:** Seperti di Lampiran A

Saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sementara telah dibuat bagi draft "Risalah Maklumat Ubat Pengguna (RIMUP)" dan mendapat risalah ini mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan boleh digunakan.

3. Pihak tuan/puan perlu mengemukakan permohonan variasi bagi mengemaskini RIMUP melalui sistem QUEST dan melampirkan surat kelulusan ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat ini.

Sekian Terima Kasih

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(ROKIAH ISAHAK)**

Ketua Penolong Pengarah Kanan  
 Seksyen Farmakovigilans  
 b.p. Timbalan Pengarah  
 Pusat Pasca Pendaftaran Produk  
 Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan  
 Kementerian Kesihatan Malaysia

sk. Ketua Seksyen Variasi

np/-



**Biro Pengawalan Farmasutikal Kebangsaan**  
**National Pharmaceutical Control Bureau**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA**

**Lampiran A**

Bil	Nama Produk	No Pendaftaran
1	Glumet DC Tablet 500mg	MAL06081220A
2	Glumet Forte Tablet 850mg	MAL06091502A
3	Pharmaniaga Atenolol Tablet 50mg	MAL19973341A
4	Pharmaniaga Atenolol Tablet 100mg	MAL19920523A
5	Convinace 4mg Tablet	MAL06041482A
6	Pharmaniaga Gliclazide Tablet 80mg	MAL20013744A
7	Pharmaniaga Metoprolol Tablet 100mg	MAL19921241A
8	Plecaz MR Tablet 30mg	MAL06041479A